

Pertandingan Mencipta Video Pendek Bertemakan Aeroangkasa

Anjuran Kelab Sains Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Omar

Syarat-syarat Pertandingan

- Durasi video mestilah tidak melebihi lima minit.
- Bilangan peserta setiap kumpulan berjumlah tiga hingga empat orang.
- Terbuka kepada murid-murid menengah rendah sahaja.

Hadiah

Tempat pertama

Hamper dan baucar buku bernilai RM300.00

Tempat kedua

Hamper dan baucar buku bernilai RM150.00

Tempat ketiga

Hamper dan baucar buku bernilai RM85.00

Borang penyertaan boleh dimuat turun di www.kelabsainsjalanomar.edu.my.

Sila hantar penyertaan anda selewat-lewatnya pada 15 Jun 2000

kepada Setiausaha Kelab Sains, Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Omar.

1. Apakah tema pertandingan mencipta video pendek ini ?

Pertandingan mencipta video pendek ini bertemakan _____.

2. Nyatakan penganjur pertandingan ini.

Penganjur pertandingan ini ialah _____.

3. Berapakah bilangan peserta dalam setiap kumpulan ?

Bilangan peserta dalam setiap kumpulan berjumlah _____.

4. Siapakah yang boleh menyertai pertandingan ini ?

_____ boleh menyertai pertandingan ini.

5. Sekiranya kumpulan kamu mendapat tempat kedua dalam pertandingan ini, apakah hadiah yang akan kumpulan kamu dapat ?

Kumpulan saya akan mendapat _____.

6. Video pertandingan perlu dihantar kepada siapa ?

Video pertandingan perlu dihantar kepada _____.

Murid-murid Peralihan hingga Tingkatan 3 Kelab Sains SMK Jalan Omar Aeroangkasa

tiga hingga empat orang hamper dan baucar buku bernilai RM150.00

Setiausaha Kelab Sains SMK Jalan Omar

- 7 Pilih pernyataan yang **BETUL** berdasarkan maklumat yang diberi.
- A. Panjangnya setiap video mestilah melebihi lima minit.
 - B. Hadiah pertandingan termasuk hamper, baucar buku dan video.
 - C. Borang penyertaan boleh dimuat turun di Blog Haikal.
 - D. Video yang dihantar pada 16 Jun 2020 tidak layak untuk bertanding.